

# 'Orang kuat' baru AMP

Pengalaman beri bantuan guaman jadi pembuka mata

Seorang doctor gigi kanak-kanak dan seorang peguam dilantik sebagai anggota baru lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP) selepas mesyuarat agung tahunan ke-23 badan itu Disember lalu. NUR ADILAH MAHBOB (adilaham@sph.com.sg) mewawancara mereka - Dr Md Badrun Nafis Saion dan Encik Zhulkarnain Abdul Rahim.



DEKATI MASYARAKAT: Meskipun dalam tugas harian beliau banyak berurusan dengan syarikat korporat, Encik Zhulkarnain menganggap penglibatannya dalam kerja pro bono peluang mendekati dan menyumbang kepada masyarakat. - Foto-foto KHALID BABA, TUKIMAN WARJI

1/3

11 May 2015

NUR ADILAH MAHBOB

BAK langit dengan bumi.

Itulah perbezaan profil dua klien dalam kes berasingan yang ditemui peguam Encik Zhulkarnain Abdul Rahim di pejabatnya pada satu hari yang sama pada 2011.

Seorang daripada mereka anggota kerabat diraja Brunei dan kesnya melibatkan jutaan dolar.

Seorang lagi pula daripada Biro Bantuan Guaman dan kesnya ditangani Encik Zhulkarnain secara pro bono atau percuma.

"Saya ingat lagi bahawa klien kedua itu hamper tidak ada duit pun untuk dating ke pejabat saya.

"Pengalaman itu menyedarkan saya bahawa meskipun ramai sudah berjaya, kita tidak harus lupa ada yang masih perlukan pertolongan, baik bantuan guaman mahupun bantuan sosial," kata Encik Zhulkarnain, rakan kongsi di firma Rodyk & Davidson LLP.

Beliau, 34 tahun, lulus daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 2005 dan pada 2009, mendapat sijil perbankan dan kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Malaysia.

Pada 2013 beliau lulus cemerlang dalam kursus Sarjana Undang-Undang (Perbankandan Kewangan Islam) dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan muncul dalam senarai dekan sebagai antara pelajar terbaik.

Di Rodyk & Davidson, tugas khusus Encik Zhulkarnain ialah dalam bidang penimbang taraan dan pertikaian antarabangsa.

Pada 2011 beliau mula tertarik menyumbang kembali kepada masyarakat dan melibatkan diri dalam kerja pro bono di Biro Bantuan Guaman di bawah Kementerian Undang-Undang.

"Dalam tugas harian saya, saya lebih banyak berurusan dengan syarikat korporat. Oleh itu, tugas pro bono memberi saya peluang mengendalikan kes kemasyarakatan, termasuk kes di Mahkamah Syariah," ujarnya.

Ternyata, tugas itu menjadi titik permulaan bagi pelibatan seterusnya dalam masyarakat.

#### KLINIK GUAMAN

Bersama beberapa peguam lain, Encik Zhulkarnain mengadakan klinik guaman setiap bulan di Masjid Al-Mukminin di Jurong East sejak 2011.

Tahun kemudiannya pula beliau juga menjadi sukarelawan dalam Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) dan pernah menjadi anggota lembaga pengarahnya.

Pada 2013 beliau mula melibatkan diri dalam Angkatan Karyawan Islam (AMP) hinggalah dilantik menjadi anggota lembaga persatuan tersebut pada Disember lalu.

"Apa pun badan yang saya pilih untuk sertai, baik dalam aspek perundangan mahupun sosial, pendidikan dan perniagaan, perlu ada pengkhususannya," ujar Encik Zhulkarnain.

Selain itu, beliau juga merupakan anggota Jawatankuasa Amalan Syariah dalam Persatuan Undang-Undang.

"Masa berharga kepada saya. Anda boleh katakana sebagai seorang peguam saya ini dalam perniagaan menjual masa kepada klien.

"Dalam meluangkan masa bagi kerja kemasyarakatan, saya perlu ambil pendekatan strategic dan pastikan tidak ada duplikasi.

"Oleh itu dalam soal memanfaatkan masa, saya berpegang kepada moto 'make money or make good' (buat baik atau buat kebaikan)," ujar bapa tiga anak berusia enam tahun dan satu tahun itu.

---

"Pelantikan anggota lembaga baru ini sejajar dengan konstitusi AMP mengenai pembaharuan sendiri dan memberina fas baru kepada lembaga badan ini. Kami juga ingin terus memandang kehadapanan fikiran apa lagi yang kami boleh lakukan pada masa akan datang. Dua anggota lembaga baru kami juga boleh menyumbang dalam pelbagai cara untuk memperkukuhkan AMP. Encik Zhulkarnain Abdul Rahim

daripada latar belakang guaman, jadi beliau boleh menggunakan kemahirannya menyumbang kepada AMP dalam aspek guaman. Dr Md Badrun Nafis Saion pula daripada sector kesihatan. Dengan kepakarannya dalam isu kesihatan, beliau boleh menyumbang kepada AMP dalam bidang itu. Dari semasa kesemasa apabila kami melantik anggota baru, kami juga melihat pada kemahiran dan bakat mereka selain bagaimana mereka boleh menyumbang kepada usaha kami."

- Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad.

# 'Orang kuat' baru AMP

Turut sumbang melalui sukan angkat berat

Seorang doctor gigi kanak-kanak dan seorang peguam dilantik sebagai anggota baru lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP) selepas mesyuarat agung tahunan ke-23 badan itu Disember lalu. NUR ADILAH MAHBOB (adilaham@sph.com.sg) mewawancara mereka - Dr Md Badrun Nafis Saion dan Encik Zhulkarnain Abdul Rahim.



**IMBANGI MASA:** Dr Badrun terus memastikan beliau mengimbangi masa bagi meluangkannya bersama keluarga sambil menyumbang kembali kepada masyarakat dan terus bergiat dalam sukan angkat berat.

1/2

11 May 2015

**NUR ADILAH MAHBOB**

DR Md Badrun Nafis Saion boleh dikatakan sekarang antara 'orang kuat' yang memikul beberapa tanggungjawab berat.

Sejak dilantik sebagai anggota lembaga Angkatan Karyawan Islam (AMP) Disember lalu, doctor gigi kanak-kanak itu kini perlu lebih bijak mengimbangi masanya – untuk keluarga, kerjaya dan sebagai jurulatih sukan angkat berat.

Dr Badrun, 40 tahun, pendaftarkan di Unit Pergigian Pediatrik Pusat Pergigian Nasional Singapura (NDCS), aktif dalam sukan tersebut sejak 2000.

**WAKIL SINGAPURA DALAM PERTANDINGAN**

Beliau kini melatih sekitar 12 orang berusia antara 18 tahun dan 40 tahun yang giat bertanding.

Baru tahun lalu, Dr Badrun sendiri mewakili Singapura dalam satu pertandingan sukan itu di Hongkong.

"Saya melihat pelibatan saya dalam AMP sebagai menyumbang kembali kepada masyarakat Melayu/Islam. Pelibatan dalam sukan angkat berat pula untuk menyumbang kembali kepada masyarakat sukan dan di peringkat nasional," ujarnya.

Dr Badrun lulus ijazah sarjana muda pergigian dari Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 2000.

Beliau kemudian meraih biasiswa SingHealth untuk meneruskan pengajian dalam doctor pergigian klinikal dengan pengkhususan dalam pergigian kanak-kanak di Universiti Melbourne di Australia. Beliau pulang ke Singapura pada 2009.

Pelibatannya dalam AMP bermula pada 2011 apabila beliau menghadiri satu siri perbincangan fokus yang diadakan menjelang Konvensyen AMP pada 2012.

Sejak dilantik menjadi anggota lembaga AMP, beliau berharap dapat menyumbang sejajar dengan kepakarannya dalam bidang penjagaan kesihatan.

"Saya berharap dapat memberi perspektif sebagai seorang karyawan penjagaan kesihatan," ujarnya.

Antara lain, Dr Badrun berharap dapat bekerjasama dengan AMP bagi memupuk kesedaran tentang kesihatan gigi dalam kalangan ibu bapa kanak-kanak prasekolah.

Selain itu, beliau ingin melihat lebih banyak dilakukan untuk pendidikan bagi kanak-kanak, khususnya yang berasal daripada keluarga kurang bernasib baik.

"Sebagai doctor gigi kanak-kanak, saya kadangkala merawat kanak-kanak yang boleh dikatakan terbiar dan tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada keluarga mereka, baik dari segi pendidikan mahupun pemakanan. Ini boleh menjejaskan masa depan mereka," ujar Dr Badrun, yang juga Ketua Perkhidmatan Pergigian Masyarakat SingHealth yang membantu menyelia klinik pergigian di bawah kumpulan itu.

Beliau sendiri bapa lima anak berusia antara 11 tahun dan empat tahun – dua daripada perkahwinan lepas beliau, seorang hasil perkahwinan sekarang, dan dua anak tiri.

Oleh itu, Dr Badrun terus memastikan beliau mengimbangi masa bagi meluangkannya bersama keluarga sambil menyumbang kembali kepada masyarakat dan terus bergiat dalam sukan angkat berat. "Saya berlatih tiga kali seminggu dan amat tegas menjaga masa dan memanfaatkan setiap waktu," ujarnya.